

akhirnya jugalah keruntuhan dan kebinasaan di dalam negeri yang merdeka itu.

Sebab itu maka di dalam urusan pentadbiran, janganlah hendaknya seperti di Indonesia – orang-orang yang berkelelahan dan berkelulusan diketepikan dan orang-orang yang bukan ahli di dalam sesuatu diletakkan untuk memegang sesuatu pekerjaan yang bukan diketahuinya. Ketua Menteri mesti ingat dan mesti tegas bahawa ia bertanggungjawab kepada masyarakat umum, sebagai sifatnya Ketua Menteri bukannya bertanggungjawab kepada hanya partinya sendiri.

Adakah Ketua Menteri akan sanggup menolak kehendak orang-orang daripada partinya sendiri yang bersifat mengambil peluang (*opportunist*) bermuka-muka kepada beliau dengan sesuatu hajat dan apabila cita-citanya tidak diperoleh maka orang itu nanti akan melarikan diri dan menyingkirkan diri dari parti dan Ketua Menteri sendiri? Inilah hal-hal yang kita percaya perlu diperhatikan oleh Ketua Menteri kepada orangnya-orangnya, dalam lingkungannya supaya janganlah hendaknya nanti kemerdekaan yang didapat itu menjadi kemerdekaan sebagai yang ada di Indonesia – orang yang ahli diketepikan, orang-orang parti dikemukakan dan rakyat tidak diberi keterangan-keterangan yang jelas apa ertinya merdeka, apa ertinya kemerdekaan itu – Adakah kemerdekaan itu untuk berkuasa mengambil segala sesuatu, adakah kemerdekaan itu suatu pengorbanan yang mesti dipikul oleh rakyat dengan erti yang saksama? Janganlah rakyat hendaknya, terutama yang di kampung-kampung, berpengertian bahawa ertinya merdeka itu ialah merdeka segala-galanya -boleh mengambil perkebunan orang untuk dijadikan tanah sendiri diukur dengan sendiri, berleluasa mengambil hak-hak orang asing atau orang lain dengan semahu-mahunya sahaja seperti yang didapat pada permulaan

kemerdekaan Indonesia dahulu. Bercerminlah hidup kepada kejadian-kejadian di Indonesia kerana sifat penduduk di sana dengan sifat penduduk di sini serupa - kalau tidak diberi kenyataan yang tegas maka jugalah kehancurannya. Kita suka mengingatkan tentunya hadis junjungan kita Muhammad (SAW) yang bersabda (maksudnya): Sesuatu pekerjaan yang diserahkan kepada bukan ahlinya jugalah kebinasaannya.

\* \* \*

### **Kerajaan tempatan dengan ahli-ahli perniagaan kecil**

Kerajaan campuran Singapura yang dikuasai oleh buruh, untuk kebajikan ahli-ahli pekerja telah memperundang-undang beberapa peraturan untuk keselamatan buruh. Di antara peraturan-peraturan yang ditetapkan itu bahawa tiap-tiap buruh hendaklah bekerja hanya 44 jam dalam seminggu. Apabila genap setahun bekerja hendaklah diberi cuti tujuh hari, 26 hari diluluskan untuk orang yang sakit, dan tiap-tiap buruh hendaklah diberi perubatan oleh doktor-doktor yang dibelanjai oleh majikan-majikannya. Juga majikan-majikan itu dikehendaki membayar lima peratus daripada gaji-gaji pekerja itu untuk dijadikan wang kumpulan yang dinamakan *Provident Fund*. Cara yang saksama ini sebenarnya baik dan patut dipuji bagi kebaikan buruh-buruh itu. Tetapi orang-orang yang berkenaan, yakni majikan-majikan itu patutlah pula difikirkan bagaimana penderitaan mereka menanggungjawab kepada peraturan-peraturan yang dijalankan itu.

Kerajaan tempatan (kerajaan Singapura) mestilah pula tidak hanya memikirkan kebaikan, keselamatan pihak buruh sahaja tetapi juga kepada orang-orang yang berkenaan lainnya. Kita katakan yang lainnya kalaulah hanya peraturan-peraturan itu dikenakan kepada perusahaan-perusahaan besar yang mempunyai banyak kakitangan, beribu-ribu dan seumpamanya yang mempunyai

modal-modal besar, berperaturan dan berdisiplin dengan baik, tidaklah terasa oleh syarikat-syarikat itu kerana sememangnya mereka telah mempunyai suatu skim yang dapat dijalankan dengan praktis oleh mereka itu.

Hal ini berlainan keadaannya dengan perusahaan-perusahaan kecil mempunyai modal-modal yang kecil dan perkerjaannya dijalankan dengan cara terus di antara majikan dengan buruh-buruhnya. Di dalam perusahaan yang kecil itu sudah lazim, jika dijalankan peraturan 44 jam seminggu orang-orang yang bekerja itu hanya bekerja, dengan sebenar-benarnya bekerja tidak lebih daripada 40 jam seminggu bahkan banyak pula di antaranya yang kurang daripada itu. Jadi di dalam setahun maka mereka sudah kekurangan jam kerjanya cuti sebanyak 208 jam.

Kalau dikira 208 jam itu maka sudah padan untuk keselamatan mereka itu tidak dihukumkan cuti selama seminggu.

Jadi kepada perusahaan-perusahaan kecil yang tidak berdisiplin yang biasa masuk kerja dihukumkan pukul 8.30 pagi dan berhenti bekerja pukul 5 setengah petang itu, mulai bekerja dari pukul sembilan dan berhenti bekerja pukul 5 ertinya mereka kehilangan jam bekerja selama 5 setengah jam seminggu. Penanggungan-penanggungan perusahaan kecil itu ditambah lagi dengan hukuman mesti membayar *Providen Fund* 5 peratus daripada gaji mereka maka kerap kali kita dapati banyak perusahaan-perusahaan yang menderita kesulitan dan kepayahan untuk menyempurnakan tanggungan itu. Kerana terkadang-kadang perusahaan-perusahaan kecil itu hendak membayar gaji kakitangannya pun tidak dapat dan tidak mampu. Tetapi undang-undang memaksa supaya ia membayar, mesti dibayar kalau tidak dihukum mengikut undang-undang.

Dengan peraturan-peraturan yang dijalankan ini, perusahaan-perusahaan

kecil, terasa bahawa mereka dianiaya oleh kerajaan kerana masalah-maslahat yang dikawal han (hanya) masalah buruh sahaja sedang masalah perusahaan kecil tidak diendahkan langsung oleh kerajaan. Mereka terasa bahawa kerajaan menzalimkan mereka, kerajaan menindas mereka, kerajaan memaksa mereka memikul sesuatu beban dengan undang-undang yang boleh menghukum mereka jika mereka tidak membayar *Providen Fund* dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang dijalankan itu.

Perusahaan-perusahaan kecil tentu merasa daripada wang satu million tujuh ratus ribu ringgit yang dikutip daripada *Providen Fund* itu tidak ada suatu faedah dan manfaat yang dapat dirasa oleh perusahaan-perusahaan kecil selain daripada kalau mereka tidak membayar mereka akan dihukum oleh hukuman undang-undang: didenda atau dipenjarakan. Kerajaan Singapura melupakan bahawa sebahagian besar daripada tauke-tauke kecil atau perusahaan kecil itu yang membanting tulang bekerja bukannya 44 jam seminggu tetapi bekerja tiap-tiap hari 12 jam untuk menyelamatkan perusahaan mereka dan tidak ada kaedah atau cara yang dijalankan oleh kerajaan untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil mengadakan pinjaman-pinjaman berhad supaya mereka dapat menjalankan usaha-usahanya lebih luas.

Sepatutnya dengan hasil yang didapat daripada *Providen Fund* yang begitu banyak kerajaan mengingat atau mencuba pula memberi bantuan kepada perusahaan-perusahaan kecil yang berharap bantuan-bantuan itu.

Adakah kerajaan Singapura melupakan bahawa dengan peraturan-peraturan yang tegas, bersebab dengan adanya “paksaan” yang dirasa menzalimkan perusahaan-perusahaan kecil itu menjadikan sebab perusahaan-perusahaan kecil terpaksa menggunakan tenaga yang sangat-sangat terhad kerana terpaksa

tidak mahu menambah pekerja-pekerja kerana tiap-tiap tambahan pekerja-  
ertinya menambahkan bebanan dan pikulan kepada mereka?

Mudah-mudahan makalah ini diperhatikan oleh jabatan-jabatan  
yang berkenaan supaya pertadbiran negeri dijalankan tidak  
berat sebelah – tidak menghidupkan kesenangan kepada satu  
pihak, kelapangan kepada satu pihak, tetapi membebankan,  
menzalimkan kepada satu pihak yang lain. Kalau hanya  
untuk kesenangan buruh yang difikirkan dan yang demikian  
itu diambil daripada cara-cara di Barat maka kita  
berkeyakinan yang demikian itu tidak sesuai dengan  
kedudukan di Singapura ini kerana di sini  
pekerjaan-pekerjaan itu hanya dijalankan yang terbanyaknya oleh  
perusahaan-perusahaan kecil, yang mempunyai pekerja dan sifat  
tanggungjawab pekerja-pekerja itu pula tidak sama dan  
tidak serupa dengan sifat pekerja-pekerja di Barat.

Di sebalik itu, perhubungan di antara majikan dan  
pekerja-pekerja kecil itu lazimnya mempunyai *tradition*  
(kebiasaan), tiap-tiap tuan punya perusahaan-perusahaan kecil itu  
tahun-tahun mengadakan hadiah-hadiah kepada kakitangannya dengan kadar  
dan daya upaya mereka terutama dalam menyambut hari-hari  
besar mereka. Kebiasaan ini harus akan  
hilang dan harus akan hapus sekiranya kerajaan  
memaksa mereka menjalankan satu peraturan baru yang  
memberatkan tanggungan dan bebanan mereka.

Kerana itu kita berharap bahawa kerajaan Singapura  
khususnya kalau mahu menjalankan sesuatu peraturan  
janganlah peraturan itu memberatkan sesuatu pihak dan  
pihak yang diberatkan itu pula hendaklah dicarikan sesuatu  
jalan atau suatu cara untuk menyelamatkan dan  
mengurangkan tanggungan mereka dengan mengadakan bantuan-bantuan  
lain supaya perkembangan di antara pekerja dengan majikan  
kecil itu lebih luas. Sekiranya tidak diadakan bantuan  
yang demikian ita berkeyakinan bahawa tempat-tempat kosong, tempat-tempat

melatih pekerja-pekerja untuk belajar di tempat perusahaan kecil  
itu tidak akan ada peluang-peluang yang diberikan oleh mereka.

\* \* \*

### **Bantuan kepada ekonomi Melayu**

Di Singapura khususnya dan di Persekutuan  
Tanah Melayu umumnya kalau terjadi sesuatu pertelingkahan  
dan jika ada sesuatu himpunan orang-orang Melayu bangkit  
maka pada saat itu timbullah kata-kata yang lemak manis  
daripada pimpinan-pimpinan asing tidak terkecuali yang duduk  
di dalam pemerintahan sekalipun.

Di Singapura dahulu apabila timbul sesuatu  
bantahan, terhadap rancangan kemerdekaan, yang dikelolakan  
oleh orang-orang Melayu sebagai anak tanah air negeri ini  
maka timbullah janji-janji yang menyedapkan hati dan pandangan  
orang-orang Melayu, dengan mengatakan bahawa mereka tidak  
melupakan hak-hak Melayu itu dan mereka juga berjanji  
akan membantu ekonomi orang-orang Melayu.

Apabila perkara-perkara yang demikian itu sunyi sepi  
semula akan janji-janji yang diberi itu pun tidak pula  
kedengaran dan berjalanlah pertadbiran ekonomi itu  
dengan semahu-mahunya dan orang-orang Melayu yang diberi janji  
tadi tinggallah menerima janji sahaja. Tidak ada suatu  
langkah yang diambil untuk membantu dan menghidupkan  
usaha-usaha Melayu yang dijalankan atau diamalkan sebagaimana  
yang dikatakan oleh mereka.

Di dalam apa jenis perusahaan pun, sama ada di Singapura  
atau di Persekutuan Tanah Melayu, janji-janji untuk membantu  
ekonomi orang Melayu itu adalah tinggal janji-janji  
belaka. Apapun langkah yang ada jasanya daripada orang-orang Melayu  
akhirnya yang mendapat faedahnya bukan daripada bangsa Melayu  
sendiri tetapi perusahaan bangsa asing dan bangsa  
penjajah.

Umpamanya kalau kita lihat perkembangan di dalam bahasa  
Melayu maka kita yakin bahawa kita tidak dapat menafikan